

13/09/2003

Pengecualian cukai 50 peratus perolehan R&D

PENDAPATAN yang diperoleh penyelidik daripada aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) diberi pengecualian cukai 50 peratus untuk tempoh lima tahun.

Selain itu, kerajaan tidak akan mengenakan caj ke atas pendaftaran paten oleh penyelidik tempatan, bertujuan menggalakkan pengkomersilan hasil R&D.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Dasar Sains dan Teknologi Negara kedua digubal bagi mencapai perbelanjaan R&D sekurang-kurangnya 1.5 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang 2010.

Sebanyak RM183.6 juta disediakan untuk program menyediakan kepakaran tenaga manusia serta R&D, termasuk RM84.5 juta bagi Skim Peningkatan Penyelidikan Bidang Keutamaan (Irpa).

Tiga institusi penyelidikan baru akan ditubuhkan di BioValley, Cyberjaya khusus dalam bioteknologi selain menggalakkan syarikat besar bertapak di sana untuk penyelidikan kontrak sebagai satu sumber industri perkhidmatan.

"Usaha R&D negara banyak memberi sumbangan kepada peningkatan hasil pengeluaran komoditi, terutama kelapa sawit dan getah. Hasil sehektar komoditi ini meningkat berlipat ganda dan tempoh matang tanaman dapat disingkatkan," katanya.

Dr Mahathir mahu institusi R&D negara mengorientasi usaha ke arah permintaan pasaran R&D yang memberi tumpuan kepada nilai tambah menjurus kepada pengkomersialan hasil penyelidikan.

Di Malaysia, industri bioteknologi masih di peringkat awal, walaupun ada kira-kira 60 syarikat bioteknologi, mereka adalah syarikat kecil yang belum mencapai taraf dunia.